



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI EKONOMI**

**KENYATAAN TAN SRI NORAZLAN GHAZALI MENGENAI  
PERTUMBUHAN EKONOMI SUKUAN**

Saya merujuk kepada satu kenyataan yang dibuat oleh seorang tokoh akademik, Profesor Tan Sri NorAzlan Ghazali mengenai kenyataan saya yang menyentuh pertumbuhan ekonomi negara mengikut sukuan bagi tahun 2023.

Komen beliau di laman Facebook beliau semalam (28 November 2023) memberi gambaran seolah-olah saya memberi fakta yang salah mengenai pertumbuhan ekonomi negara mengikut sukuan.

Saya ingin memperbetulkan kefahaman orang ramai mengenai konteks kenyataan-kenyataan saya mengenai pertumbuhan ekonomi mengikut sukuan. Saya sertakan data pertumbuhan mengikut suku sejak tahun 2016 seperti yang dilaporkan Jabatan Perangkaan Negara (DOSM):

<b>S1 2016</b>	<b>S2 2016</b>	<b>S3 2016</b>	<b>S4 2016</b>	<b>S1 2017</b>	<b>S2 2017</b>	<b>S3 2017</b>	<b>S4 2017</b>
0.9%	1.3%	1.1%	1.4%	1.7%	1.5%	1.5%	1.0%

<b>S1 2018</b>	<b>S2 2018</b>	<b>S3 2018</b>	<b>S4 2018</b>	<b>S1 2019</b>	<b>S2 2019</b>	<b>S3 2019</b>	<b>S4 2019</b>
1.4%	1.4%	0.7%	0.5%	1.5%	2.6%	0.4%	-1.7%

**EMBARGO SEHINGGA 29 NOV 2023, 1.30 PETANG**

<b>S1 2020</b>	<b>S2 2020</b>	<b>S3 2020</b>	<b>S4 2020</b>	<b>S1 2021</b>	<b>S2 2021</b>	<b>S3 2021</b>	<b>S4 2021</b>
-1.2%	-14.7%	18.2%	-2.6%	1.4%	-0.3%	-2.7%	5.1%

<b>S1 2022</b>	<b>S2 2022</b>	<b>S3 2022</b>	<b>S4 2022</b>	<b>S1 2023</b>	<b>S2 2023</b>	<b>S3 2023</b>
2.4%	4.1%	2.2%	-1.7%	0.9%	1.5%	2.6%

*Kadar pertumbuhan mengikut suku sejak tahun 2016 (sumber : DOSM)*

Ada dua perspektif berbeza dari data ini.

Sejak 2016, memang ekonomi negara tumbuh dari suku ke suku (kecuali ada krisis kewangan atau ekonomi global).

Tetapi kadar pertumbuhan ini berbeza-beza dari satu suku ke satu suku. Lazimnya, jika ada pertumbuhan ekonomi dalam suku 1, walaupun ekonomi terus berkembang di suku 2 atau 3, kadar pertumbuhan itu lebih rendah dari suku sebelumnya.

Misalnya, pada tahun 2016, suku pertama berkembang 0.9%, seterusnya suku kedua pertumbuhan lebih baik pada 1.3%, tetapi momentum pertumbuhan sukuan yang meningkat ini tidak dapat dikekalkan pada suku ketiga 2016 (merendah kembali kepada 1.1%).

Walaupun ekonomi berkembang dalam ketiga-tiga suku (seperti yang disebut oleh Prof Tan Sri NorAzlan), tetapi momentum pertumbuhan menjadi lebih perlahan selepas dua suku.

Begitulah keadaan pertumbuhan ekonomi kita sejak 2016, sehinggalah tahun 2023.

Konteks kenyataan saya ialah bagaimana pertumbuhan ekonomi bukan sahaja positif setiap suku, malah suku seterusnya lebih tinggi pertumbuhan berbanding suku sebelumnya.

**EMBARGO SEHINGGA 29 NOV 2023, 1.30 PETANG**

Faktanya ialah pertumbuhan dari suku pertama 2023 ke suku ketiga 2023 adalah kali pertama sejak 2016 yang momentum pertumbuhan dari suku ke suku kekal mengukuh (S1: 0.9%, S2: 1.5%, S3: 2.6%)

Ia adalah petanda baik bahawa bukan sahaja ekonomi semakin pulih, tetapi pemulihan itu berlaku dengan momentum pertumbuhan dari suku ke suku yang begitu baik dan tidak pernah berlaku sebelum ini.

Sementara saya mengalu-alukan pandangan dan kupasan semua pihak, saya berharap konteks sebenar pertumbuhan ekonomi negara turut dikongsi dengan rakyat agar kita dapat mengekalkan sentimen ekonomi yang positif.

Negara memerlukan sentimen ekonomi yang positif ini dalam keadaan kita berdepan ketidakpastian ekonomi global.

**RAFIZI RAMLI**  
**29 NOV 2023**